

Hubungan di Antara Konsep Kendiri Dengan Kemahiran Komunikasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Di sekolah Menengah Di Johor Bahru

**PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA
SHARIFUDDIN ISMAIL
AMIR HAMZAH ABDUL
HALIMAH MA'ALIP**

ABSTRACT: The purpose of this study is to examine the relationship of self-concept and interpersonal communication skill to the academic achievement. The respondents were selected by using simple random consisted of 320 students from eight schools in Johor Bahru picked at random. Assessment instruments used in this study are the "Tennessee Self-Concept Scale" (TSCS) and the "Interpersonal Communication Skills Inventory" (ICSI) in Malay version. The reliability level of the assessment instruments is 0.7498 (TSCS) and 0.7587 got from the pilot study done in a group of twenty respondents. Descriptive statistic and Pearson's correlation were used to analyse the data. Student's level of self-concept and interpersonal communication skills is identified. The level of students self concept is positive average or negative. While the student's interpersonal skill level are high, average or low. Students PMR examination results are used as the academic achievement indicator. The results indicated that majority student's self-concept and interpersonal communication skill are average. Self-concept was found to correlate significantly with interpersonal communication skills but self-concept was not found to correlate at a significant level with academic achievement. Thus, interpersonal communication skills were found to correlate significantly with academic achievement. Suggestions were made to improve the student's interpersonal communication skills and their self-concept. One of the suggestions is that the communication skills should be introduced as subject taught in school starting from the primary level to develop self-confidence which indirectly affects students self-concept.

(ABSTRAK: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara konsep kendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal terhadap pencapaian akademik pelajar. Seramai 320 orang pelajar daripada lapan buah sekolah di daerah Johor Bahru yang dipilih secara rawak mudah dijadikan sampel kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah "Tennessee Self-Concept Scale" (TSCS) dan "Interpersonal Communication Skills Inventory" (ICSV) dalam versi bahasa Melayu. Instrumen ini mempunyai tingkat kebolehpercayaan pada 0.7498 (TSCS) dan 0.7587 (TCV) hasil daripada kajian rintis yang dijalankan kepada dua puluh orang responden. Statistik deskriptif dan korelasi Pearson digunakan dalam menganalisis data. Konsep kendiri pelajar yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah sama ada positif, sederhana atau negatif. Tahap kemahiran komunikasi interpersonal pelajar yang dilihat dalam kajian ini ialah sama ada tahap tinggi, sederhana atau rendah. Indikator bagi pencapaian akademik pelajar ialah keputusan peperiksaan PMR. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai konsep kendiri dan kemahiran komunikasi interpersonal sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal tetapi tidak menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik. Sebaliknya, pencapaian akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran komunikasi interpersonal. Beberapa saranan dikemukakan bagi mempertingkatkan konsep kendiri dan kemahiran komunikasi interpersonal pelajar. Antaranya ialah memperkenalkan mata pelajaran kemahiran berkomunikasi di sekolah bermula dari sekolah rendah bagi memupuk keyakinan diri pelajar yang secara tidak langsung akan berpengaruh terhadap konsep kendiri pelajar.)

Pengenalan

Pada umumnya semua pelajar yang normal menginginkan pencapaian akademik yang baik. Pencapaian atau kegagalan dalam pelajaran yang dialami oleh seseorang pelajar akan memberikannya pengalaman yang baik atau sebaliknya. Pada umumnya, pencapaian akademik menjadi kayu pengukur kepada kejayaan diri seseorang individu. Pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan awam seperti peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) merupakan indikator kejayaan seseorang pelajar dalam pelajaran. Pencapaian akademik yang cemerlang merupakan satu pengharapan dan kebanggaan bagi seorang pelajar. Malahan ia juga merupakan pengharapan bagi ibubapa, guru dan pihak institusi pendidikan.

Adalah menjadi lumrah bagi masyarakat dan institusi pendidikan di Malaysia mengaitkan pencapaian akademik pelajar dengan corak pembelajaran dan kemampuan kognitif atau IQ (kecerdasan mental). Binder, Jones dan Strowig (1970); Thorndike dan Hagan, 1969 dalam Watson dan Monroe(1990) menunjukkan bahawa terdapat hubungan .50 hingga .70 antara pencapaian IQ dengan pencapaian akademik, dan menyatakan bahawa 50 peratus daripada pembolehubah dalam pencapaian akademik boleh diramalkan melalui IQ.

Konsep sendiri, kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik dapat dilihat sebagai tiga komponen yang berbeza. Untuk melihat pencapaian akademik pelajar adalah tidak sukar kerana dapat dilihat melalui keputusan ujian dan peperiksaan iaitu gred yang diperolehi. Namun begitu, untuk melihat konsep sendiri seseorang pelajar adalah sukar kerana konsep sendiri merupakan sesuatu yang tersembunyi yang melibatkan perasaan dan persepsi seseorang. Untuk melihat kemahiran komunikasi interpersonal seseorang pelajar mungkin tidak sesukar melihat konsep sendiri kerana kemampuan pelajar berkomunikasi dapat dilihat melalui caranya berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Namun begitu, untuk menilai tahap kemahiran komunikasi interpersonal pelajar adalah tidak mudah kerana pada umumnya mereka akan berinteraksi sesama mereka dan guru apabila berada dalam kelas dan di sekolah.

Kemahiran komunikasi interpersonal pula perlu dikuasai oleh seseorang bagi membolehkannya berhubung dengan orang lain dengan lebih berkesan. Bagi seseorang pelajar, kemahiran komunikasi interpersonal diperlukan bagi membolehkannya berhubung dengan guru dan rakan sebaya untuk tujuan perbincangan atau bertukar-tukar pendapat. Dalam sistem persekolahan sekarang, kemahiran komunikasi interpersonal perlu dikuasai oleh seseorang pelajar bukan hanya untuk tujuan berkomunikasi tetapi untuk proses pembelajaran kerana corak pengajaran-pembelajaran kini lebih menekankan pelajar agar mengemukakan pendapat mereka. Apabila seseorang pelajar tidak mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal, pelajar itu mungkin mengalami kesukaran untuk berinteraksi dengan rakan sebaya di dalam bilik darjah khususnya semasa proses pembelajaran yang berbentuk perbincangan yang sering diamalkan dalam sistem pengajaran-pembelajaran di sekolah. Perkara ini akan memberi kesan secara tidak langsung kepada pelajar iaitu tidak mempunyai kepercayaan diri atau konsep sendiri yang rendah yang akhirnya akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Pencapaian akademik yang cemerlang merupakan sasaran utama setiap pelajar dan juga pihak sekolah. Untuk mendapat keputusan yang cemerlang, seseorang pelajar perlu menguasai dan memahami isi kandungan mata pelajaran yang dipelajari. Proses menguasai dan memahami apa yang dipelajari tidak bergantung kepada teknik hafalan semata-mata tetapi bergantung kepada tingkat konsep sendiri dan kemampuan untuk berinteraksi dengan berkesan. Apabila pelajar mempunyai keyakinan diri yang tinggi ditambah dengan teknik pembelajaran yang baik, maka pencapaian akademik yang cemerlang pasti akan diperolehi. Keyakinan diri yang ada pada pelajar biasanya dilatari oleh konsep sendiri dan kemahiran komunikasi interpersonal mereka.

Kenyakinan dan kemampuan pelajar memberi pendapat atau berinteraksi dalam bilik darjah berkait rapat dengan konsep sendiri mereka. Menurut Coyle (1993), kemampuan komunikasi interpersonal akan mempengaruhi konsep sendiri seseorang individu. Cara seseorang individu berinteraksi akan memberi persepsi tertentu kepada orang lain terhadap dirinya. Persepsi orang lain ini merupakan penilaian

terhadap diri individu tersebut. Guru akan memberi penilaian yang baik kepada pelajar yang mampu berinteraksi dengan baik dalam bilik darjah. Perkara ini akan menyebabkan pelajar lebih berkeyakinan diri dan meningkatkan konsep sendiri mereka.

Gaya pengajaran yang bersifat demokrasi yang diterapkan pada masa kini menggalakkan pelajar berinteraksi dengan guru dan pelajar lain dalam bilik darjah. Kemahiran komunikasi interpersonal yang ada pada diri pelajar, akan menjadikan mereka lebih berkeyakinan diri dan secara tidak langsung akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

Pernyataan Masalah

Pada hakikatnya, pelajar bukanlah tidak mempunyai idea atau tidak tahu untuk menjawab soalan guru tetapi mereka sukar untuk mengungkapkan idea mereka kerana tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi dan juga tidak mempunyai keberanian diri disebabkan takut kepada penilaian guru dan rakan sebaya jika pendapat yang dikemukakan tidak tepat atau tidak memenuhi kehendak guru. Situasi sebegini berlaku akibat oleh tidak adanya kemahiran komunikasi interpersonal pada diri pelajar dan tingkat konsep sendiri yang rendah atau negatif.

Mengetahui tingkat konsep sendiri yang ada pada diri pelajar merupakan satu perkara yang baik khususnya bagi seorang guru kerana dapat menyusun pendekatan yang berkesan semasa proses pengajaran-pembelajaran seperti semasa megemukakan soalan kepada pelajar. Di samping itu, komunikasi di dalam kelas juga memainkan peranan yang penting untuk membentuk konsep sendiri seseorang pelajar. Pelajar yang mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal dapat berkomunikasi dengan baik dengan guru dan rakan sebaya semasa di dalam kelas mahupun di luar kelas.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang sudah dikenal pasti iaitu:

1. Untuk melihat jenis konsep sendiri pelajar.
2. Untuk melihat tahap kemahiran komunikasi interpersonal pelajar.
3. Untuk melihat tahap pencapaian akademik pelajar
4. Untuk melihat hubungan ketiga-tiga elemen tersebut.
5. Untuk melihat hubungan latar belakang pelajar dengan ketiga-tiga elemen tersebut.

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- | | |
|------------------|---|
| Hipotesis nol 1: | Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal. |
| Hipotesis nol 2: | Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. |
| Hipotesis nol 3: | Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kemahiran komunikasi interpersonal dengan pencapaian akademik. |
| Hipotesis nol 4: | Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan konsep sendiri dan pencapaian akademik pelajar. |
| Hipotesis nol 5: | Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik pelajar. |
| Hipotesis nol 6: | Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendapatan ibu bapa dengan konsep sendiri dan pencapaian akademik pelajar. |
| Hipotesis nol 7: | Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendapatan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik pelajar. |
| Hipotesis nol 8: | Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedudukan pelajar dalam jumlah beradik dengan konsep sendiri dan pencapaian akademik. |

Hipotesis nol 9: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah adik beradik dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik pelajar.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada beberapa pihak iaitu para guru yang memainkan peranan dalam membentuk kemahiran komunikasi interpersonal pelajar khususnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru dapat merangka pendekatan yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal pelajar setelah mengenal pasti tingkat konsep sendiri pelajar.

Bagi pihak ibu bapa pula, mereka dapat membantu meningkatkan tahap konsep sendiri dan kemahiran komunikasi interpersonal anak-anak dengan memberi lebih perhatian kepada anak-anak semasa di rumah serta memberi galakan kepada anak-anak untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik mereka.

Kementerian Pendidikan boleh merancang strategi untuk meningkatkan konsep sendiri pelajar dan kemahiran komunikasi interpersonal melalui kurikulum dan silabus pendidikan di sekolah bagi menjamin pencapaian akademik yang cemerlang. Unsur kemahiran komunikasi interpersonal yang merupakan elemen dalam proses pembelajaran diharapkan dapat menjadi perkara yang akan diketengahkan oleh pihak kementerian sebagaimana unsur nilai-nilai murni dan kemahiran berfikir kreatif dan kritis yang dijadikan unsur dalam merentas kurikulum.

Batasan Kajian

Dimensi konsep sendiri yang akan dilihat dalam kajian ini ialah konsep sendiri fizikal, konsep sendiri etika moral, konsep sendiri peribadi, konsep sendiri keluarga, konsep sendiri sosial, konsep sendiri tingkah laku, konsep sendiri identiti dan konsep sendiri kepuasan. Selain daripada itu, penyelidik akan melihat jenis konsep sendiri iaitu konsep sendiri negatif, konsep sendiri sederhana dan konsep sendiri positif kerana akan memberi dampak kepada pencapaian akademik mahupun kemampuan seseorang berkomunikasi. Kesemua dimensi konsep sendiri yang disebutkan di atas, baik dari jenis konsep sendiri negatif mahupun konsep sendiri positif tersirat di dalam item-item soal selidik.

Sampel kajian ini dibataskan kepada pelajar tingkatan empat sahaja kerana mereka telah menduduki peperiksaan PMR yang menjadi indikator pencapaian akademik dalam kajian ini. Sampel diambil secara rawak daripada sepuluh buah sekolah di daerah Johor Bahru.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan berbentuk tinjauan deskriptif dengan menumpukan hubungan konsep sendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah di kawasan Johor Bahru.

Kajian ini menjelaskan perkaitan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik dan perkaitan antara kemahiran komunikasi interpersonal dengan pencapaian akademik. Kajian rintis telah dibuat bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan semasa menjalankan kajian yang sebenar. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang ditadbir oleh guru kelas pelajar yang dijadikan responden.

Populasi dan Jumlah Sampel

Populasi kajian ini ialah seramai 10,694 orang pelajar tingkatan empat daripada 39 buah sekolah bantuan kerajaan di daerah Johor Bahru, Johor. Seramai 370 orang pelajar daripada sepuluh buah sekolah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Ketentuan jumlah seramai 370 orang sampel ialah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Kajian Rintis

Tujuan kajian rintis dibuat dalam kajian ini ialah bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan di dalam kajian sebenar. 20 puluh orang pelajar yang bukan daripada responden sebenar telah diambil secara rawak daripada sebuah sekolah. Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa beberapa item dalam soal selidik perlu diperbaiki kerana mempunyai min yang rendah berbanding item-item yang lain. Hasil kebolehpercayaan terhadap keseluruhan item soal selidik pada bahagian B ialah 0.7498 manakala bagi bahagian C ialah 0.7587.

Analisis Data

Analisis korelasi akan digunakan untuk melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini iaitu untuk melihat hubungan antara konsep sendiri dan kemahiran komunikasi interpersonal dengan pencapaian akademik, hubungan konsep sendiri dan kemahiran komunikasi interpersonal dengan latar belakang pelajar dan pencapaian akademik mereka.

Bagi menguji hipotesis yang dikemukakan analisis korelasi juga akan digunakan kerana kesemua hipotesis hanya melihat hubungan atau perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah. Penyelidik telah menetapkan bahawa paras keertian dalam pengujian hipotesis ialah 0.05. Menurut Syed Arabi Idid (1998), paras keertian yang sering digunakan dalam kajian sains sosial ialah 0.05.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan dibentangkan ke dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratus kekerapan. Butiran dapatan dibentangkan berdasarkan susunan dalam soal selidik. Selain daripada itu, bab ini juga akan menguji hipotesis kajian bagi menentukan sama ada hipotesis nol diterima atau ditolak. Paras keertian yang digunakan untuk menentukan penolakan atau penerimaan hipotesis nol ialah pada paras 0.05.

Dapatan dan Analisis Keseluruhan Konsep Kendiri

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Tahap Keseluruhan Konsep Kendiri

Tahap Konsep Kendiri	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	3	0.9
Sederhana	317	99.1
Rendah atau Negatif	0	0
Jumlah	320	100

Pada keseluruhan hasil dapatan tentang konsep sendiri 320 orang responden menunjukkan bahawa 317 orang atau 99.1 peratus mempunyai konsep sendiri sederhana, tiga orang atau 0.9 peratus mempunyai konsep sendiri positif. Tidak terdapat seorang respondenpun yang mempunyai konsep sendiri rendah.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Fizikal

Jadual 2. : Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Fizikal

Tahap Konsep Kendiri Fizikal	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	53	17
Sederhana	267	83
Rendah atau Negatif	0	0
Jumlah	320	100

Hasil dapatan menunjukkan bahawa dimensi konsep kendiri fizikal responden kebanyakannya adalah sederhana iaitu sebanyak 267 orang atau 83 peratus daripada 320 yang termasuk di dalam kategori sederhana. Seramai 53 orang responden atau 17 peratus mempunyai konsep kendiri fizikal positif. Namun tidak terdapat responden yang mempunyai konsep kendiri fizikal negatif.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Etika Moral

Jadual 3 : Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Etika Moral

Tahap Konsep Kendiri Etika Moral	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	0	0
Sederhana	305	95
Rendah atau Negatif	15	5
Jumlah	320	100

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep kendiri etika moral responden pada keseluruhannya adalah sederhana iaitu seramai 305 orang responden atau 95 peratus mempunyai konsep kendiri dimensi ini pada tahap sederhana. Tidak terdapat seorangpun responden yang mempunyai konsep kendiri etika moral positif. 15 orang responden atau 5 peratus berada pada tahap negatif.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Peribadi

Jadual 4 : Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Peribadi

Tahap Konsep Kendiri Peribadi	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	15	5
Sederhana	305	95
Rendah atau Negatif	0	0
Jumlah	320	100

Dapatan kajian tentang konsep kendiri peribadi menunjukkan bahawa 15 orang atau 5 peratus responden mempunyai konsep kendiri peribadi positif atau berada pada tahap tinggi, 305 orang atau 95 peratus mempunyai tahap sederhana dan tidak responden yang mempunyai tahap yang rendah.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Keluarga

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Keluarga

Tahap Konsep Kendiri Keluarga	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	138	43
Sederhana	179	56
Rendah atau Negatif	3	1
Jumlah	320	100

Jadual di atas menunjukkan hasil dapatan tentang dimensi konsep kendiri keluarga para responden. Seramai 138 orang responden atau 43 peratus mempunyai konsep kendiri keluarga positif

Tiga orang responden atau 1 peratus mempunyai konsep sendiri keluarga negatif dan 179 orang atau 56 peratus mempunyai tahap yang sederhana.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Sosial

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Sosial

Tahap Konsep Kendiri Sosial	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	30	9
Sederhana	280	88
Rendah atau Negatif	10	3
Jumlah	320	100

Hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 30 orang responden atau 9 peratus mempunyai tahap konsep sendiri sosial positif, 280 orang atau 88 peratus mempunyai konsep sendiri sosial sederhana dan 9 orang atau 3 peratus mempunyai tahap yang rendah.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Tingkah Laku

Jadual 7 : Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Tingkah Laku

Tahap Konsep Kendiri Tingkah Laku	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	123	38
Sederhana	192	60
Rendah atau Negatif	5	2
Jumlah	320	100

Jadual 8 di atas menunjukkan dapatan tentang dimensi konsep sendiri tingkah laku. Seramai 123 orang atau 53 peratus responden mempunyai tahap konsep sendiri tingkah laku positif, 192 orang atau 60 peratus mempunyai tahap yang sederhana dan 5 orang atau 5 peratus mempunyai tahap yang rendah atau negatif.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Identiti

Jadual 8 : Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Identiti

Tahap Konsep Kendiri Identiti	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	22	7
Sederhana	269	84
Rendah atau Negatif	29	9
Jumlah	320	100

Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 22 orang responden atau 7 peratus mempunyai dimensi konsep sendiri identiti positif, 269 orang atau 84 peratus masuk dalam golongan tahap sederhana dan 29 orang atau 9 peratus mempunyai tahap yang rendah.

Dapatan dan Analisis Dimensi Konsep Kendiri Kepuasan

Jadual 9 : Taburan Responden Mengikut Konsep Kendiri Kepuasan

Tahap Konsep Kendiri Kepuasan	Bilangan	Peratus
Tinggi atau Positif	44	14
Sederhana	249	78
Rendah atau Negatif	27	8
Jumlah	320	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa 44 orang responden atau 14 peratus mempunyai konsep sendiri kepuasan yang positif, 249 orang atau 78 peratus mempunyai konsep sendiri kepuasan sederhana

dan 27 orang atau 8 peratus mempunyai konsep sendiri kepuasan yang negatif. Daripada hasil analisis menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai konsep sendiri kepuasan sederhana. Responden yang mempunyai konsep sendiri kepuasan yang positif adalah lebih banyak daripada responden yang mempunyai konsep sendiri kepuasan lemah.

Analisis Tahap Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Jadual 10 : Taburan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Tahap Kemahiran Komunikasi Interpersonal	Bilangan	Peratus
Tinggi	46	14.4
Sederhana	272	85
Rendah	2	0.6
Jumlah	320	100

Dapatan terhadap tahap kemahiran komunikasi interpersonal menunjukkan bahawa seramai 46 orang responden atau 14.4 peratus mempunyai tahap kemahiran yang tinggi, 272 orang atau 85 peratus mempunyai tahap sederhana dan 2 orang atau 0.6 peratus mempunyai tahap rendah.

Analisis Hubungan Konsep Kendiri dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Menguji Hipotesis Kajian

Bagi tujuan menjawab persoalan sama ada hipotesis nol ditolak atau diterima, pendekatan yang diambil ialah dengan menggunakan analisis korelasi Pearson. Ini adalah kerana hipotesis yang dikemukakan hanya melihat hubungan atau perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini.

Menguji Hipotesis Nol Pertama : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal

Jadual 11 Hubungan antara Konsep Kendiri dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Konsep Kendiri dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal	.239	.000	320

atau $P < 0.05$

Hasil dapatan analisis korelasi yang dibuat menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal iaitu atau $r = .239$, $P < 0.01$. Dengan yang demikian, hipotesis nol pertama yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal ditolak.

Menguji Hipotesis Nol Kedua: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik

Jadual 12 Hubungan antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik	-.056	.317	320

atau $P < 0.05$

Analisis yang dibuat menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Malahan, perkaitan menunjukkan hubungan songsang yang sangat rendah iaitu atau $r = -.056$, $P < .317$. Ini bererti hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik diterima.

Menguji Hipotesis Nol Ketiga: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dengan pencapaian akademik

Jadual 13 Hubungan antara Kemahiran Komunikasi Interpersonal dengan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Kemahiran Komunikasi Interpersonal dengan Pencapaian Akademik	.146	.000	320

atau $P < 0.05$

Jadual 24 menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara kemahiran komunikasi interpersonal dengan pencapaian akademik walaupun mempunyai hubungan yang lemah atau $r = .146$, $P < .000$. Oleh yang demikian, hipotesis nol ditolak dengan menerima hipotesis alternatif iaitu terdapat perkaitan yang signifikan antara kemahiran komunikasi interpersonal dengan pencapaian akademik.

Menguji Hipotesis Nol Keempat: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan konsep sendiri dan pencapaian akademik

Jadual 14 Hubungan antara Tahap Pendidikan Ibu Bapa dengan Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Pendidikan Ibu Bapa dengan Konsep Kendiri	-.111	.048	320
Pendidikan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik	.260	.000	320

atau $P < 0.05$

Tahap pendidikan ibu bapa ternyata mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik walaupun hubungannya lemah iaitu pada atau $r = .260$, $P < .000$. Manakala hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan konsep sendiri menunjukkan korelasi songsang yang lemah tetapi tetap signifikan iaitu atau $r = -.111$, $P < 0.48$. Dengan yang demikian, hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perkaitan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan konsep sendiri dan pencapaian akademik ditolak.

Menguji Hipotesis Nol Kelima: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik

Jadual 15 Hubungan antara Tahap Pendidikan Ibu Bapa dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal dan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Pendidikan Ibu Bapa dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal	.139	.013	320
Pendidikan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik	.260	.000	320

atau $P < 0.05$

Daripada analisis korelasi yang dibuat, menunjukkan bahawa hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik ditolak. Ini adalah kerana terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal walaupun hubungannya adalah

lemah iaitu atau $r=.139$, $P>0.13$. Hubungan antara pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik adalah signifikan namun lemah pada iaitu atau $r=.260$, $P<.000$.

Menguji Hipotesis Nol Keenam:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendapatan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan Pencapaian Akademik

Jadual 16 Hubungan antara Tingkat Pendapatan Ibu Bapa dengan Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Pendapatan Ibu Bapa dengan Konsep Kendiri	.015	.792	320
Pendapatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik	.242	.000	320

atau $P<0.05$

Tingkat pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan tetapi lemah iaitu atau $r=.242$, $P<.000$. Dengan yang demikian, hipotesis nol ditolak. Sebaliknya hubungan pendapatan ibu bapa dengan konsep kendiri tidak menunjukkan hubungan yang signifikan iaitu atau $r=.015$, $P>.792$. maka hipotesis nol diterima.

Menguji Hipotesis Nol Ketujuh:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendapatan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik

Jadual 17 Hubungan antara Tingkat Pendapatan Ibu Bapa dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal dan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Pendapatan Ibu Bapa dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal	.146	.000	320
Pendapatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik	.242	.000	320

atau $P<0.05$

Hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkat pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik namun hubungannya adalah lemah iaitu atau $r=.146$, $P<.000$. Hubungan antara tingkat pendapatan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi interpersonal juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan tetapi lemah iaitu atau $r=.242$, $P<.000$. Oleh yang demikian, hipotesis nol ditolak.

Menguji Hipotesis Nol Kelapan:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedudukan pelajar dalam adik beradik dengan konsep kendiri dan pencapaian akademik

Jadual 18 Hubungan antara Kedudukan Pelajar dalam Adik Beradik dengan Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah	r	P	N
Kedudukan Pelajar dalam Adik Beradik dengan Konsep Kendiri	-.035	.527	320
Kedudukan Pelajar dalam Adik Beradik dengan Pencapaian Akademik	-.129	.021	320

atau $P<0.05$

Kedudukan pelajar dalam adik beradik dengan konsep sendiri menunjukkan hubungan yang lemah dan songsang serta tidak signifikan iaitu atau $r=-.035$, $P<.527$. Dengan yang demikian, hipotesis nol diterima. Namun begitu, hubungan kedudukan pelajar dalam adik beradik dengan pencapaian akademik menunjukkan adanya hubungan yang signifikan tetapi lemah dan songsang iaitu atau $r=-.129$, $P<.021$.Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

Menguji Hipotesis Nol Kesembilan: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah adik beradik dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan pencapaian akademik

Jadual 19 Hubungan antara Jumlah Adik Beradik dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal dan Pencapaian Akademik

Hubungan Pembolehubah		P	N
Jumlah Adik Beradik dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal	.027	.633	320
Jumlah Adik Beradik dengan Pencapaian Akademik	-.039	.488	320

atau $P<0.05$

Daripada analisis korelasi yang dibuat menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah adik beradik dengan kemahiran komunikasi interpersonal dan juga menunjukkan hubungan yang lemah atau $r=.027$, $P<.633$. Hubungan antara jumlah adik beradik dengan pencapaian akademik menunjukkan hubungan yang songsang dan tidak signifikan atau $r=-.039$, $P<.488$. Dengan yang demikian, hipotesis nol ditolak.

KESIMPULAN DAN SARAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kesemua objektif kajian telah dapat dipenuhi dan memberikan hasil yang baik kerana tidak ada satu pun objektif kajian yang diabaikan dalam kajian ini Kesemua hipotesis yang dikemukakan telah diuji dan menunjukkan bahawa empat hipotesis nol diterima iaitu (1) Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik; (2) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedudukan pelajar dalam adik beradik dengan konsep sendiri; (3); Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan ibu bapa dengan konsep sendiri;. dan (4) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah adik beradik dengan kemahiran komunikasi interpersonal dengan pencapaian akademik

Pada keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikemukakan dalam kajian ini walaupun pada keseluruhannya mempunyai hubungan yang lemah. Hasil kajian ini telah memberikan keputusan yang diluar jangkaan iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik; tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jumlah adik dengan kemahiran komunikasi interpersonal; dan jumlah adik beradik dengan pencapaian akademik.

Pada umumnya pelajar mempunyai dimensi konsep sendiri yang sederhana. Dimensi-dimensi konsep sendiri yang ada pada diri pelajar yang menunjukkan hasil yang baik ialah dimensi konsep sendiri fizikal, dimensi konsep sendiri keluarga dan dimensi konsep sendiri tingkah laku. Ini adalah kerana dimensi konsep sendiri tersebut yang ada pada pelajar adalah baik jika dibandingkan dengan dimensi-dimensi konsep sendiri yang lain seperti konsep sendiri etika moral, konsep sendiri sosial, konsep sendiri identiti, konsep sendiri kepuasan dan konsep sendiri peribadi kerana jumlah pelajar yang mempunyai konsep sendiri positif pada dimensi berkenaan adalah sedikit. Namun begitu, tahap konsep tersebut rata-rata pada tahap yang sederhana.

Tahap kemahiran komunikasi ineterpersonal yang ada pada diri pelajar pada umumnya adalah sederhana dan hanya sedikit pelajar yang mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi.

Hubungan antara konsep sendiri dengan kemahiran komunikasi interpersonal telah menunjukkan hasil yang positif kerana terdapat perkaitan yang signifikan antara kedua-duanya. Namun begitu, tidak terdapat hubungan antara pencapaian akademik dengan konsep sendiri .

Pada umumnya dapat disimpulkan bahawa hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan keputusan yang positif dan dapat mewakili keseluruhan pelajar tingkatan empat di kawasan Johor Bahru yang merupakan populasi kajian kerana jumlah responden seramai 320 orang yang mewakili populasi hampir mencapai lingkungan jumlah sampel minimum bagi menghasilkan keputusan kajian yang boleh dipercayai.

Cadangan

Konsep sendiri dan kemahiran komunikasi interpersonal merupakan dua elemen dalam diri seseorang individu yang boleh mempengaruhi kehidupan individu tersebut secara langsung mahupun tidak langsung. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengemukakan beberapa saranan iaitu:

1. Pihak kementerian pendidikan atau jabatan pendidikan negeri boleh membuat perancangan untuk memasukkan mata pelajaran kemahiran berkomunikasi ke dalam silabus pendidikan di sekolah. Mata pelajaran ini perlu diperkenalkan sedini yang mungkin iaitu pada peringkat sekolah rendah dan diteruskan sehingga ke peringkat sekolah menengah mahupun pendidikan tinggi. Ini adalah kerana kemahiran berkomunikasi akan sangat membantu pelajar berinteraksi dalam bilik darjah yang secara tidak langsung membantu mereka dalam aktiviti pembelajaran dan mempertingkatkan kecerdasan emosi pelajar.
2. Guru-guru perlulah diberi pendedahan terhadap kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal. Dengan yang demikian, mereka haruslah dihantar menghadiri kursus, bengkel atau seminar yang berkaitan dengan kemahiran berkomunikasi. Perkara ini penting kerana mereka boleh secara langsung mahupun tidak langsung menyalurkan ilmu yang mereka timba kepada pelajar.
3. Perlu diberi perhatian bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi konsep sendiri seseorang pelajar. Salah satu daripadanya ialah guru yang menjadi pendidik mereka kerana merupakan model yang sentiasa diikuti oleh pelajar. Dengan yang demikian, pihak kementerian perlulah membuat kriteria yang ketat semasa memilih guru-guru pelatih agar guru pelatih yang berkonsep sendiri positif atau baik sahaja yang dipilih. Kriteria penentuan tahap konsep sendiri itu boleh dilakukan dengan menjalankan ujian konsep sendiri. Walaupun keputusan ujian tidak dapat diandalkan seratus peratus, namun dapat membantu semasa membuat pemilihan guru pelatih yang dikriteriakan sebagai ideal menjadi pendidik.
4. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah perlulah yang boleh membentuk konsep sendiri pelajar. Penubuhan kelab-kelab pidato dan perbahasan perlu dipergiatkan di sekolah-sekolah kerana aktiviti ini akan membantu pelajar membentuk konsep sendiri yang positif di samping menjadi seorang pelajar yang kritis. Dengan yang demikian pertandingan pidato dan perbahasan perlu dijadikan acara tahunan di setiap sekolah baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah.
5. Ibu bapa perlulah mengaktifkan diri dengan kegiatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah anak-anak mereka belajar agar dapat bersama-sama pihak sekolah merangka aktiviti yang boleh mendekatkan hubungan antara ibu bapa, guru dan murid. Kedekatan hubungan antara ketiga-tiga pihak ini secara tidak langsung akan mempengaruhi sikap pelajar terhadap pelajaran dan tingkah laku mereka. Dengan yang demikian masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah seperti masalah disiplin, pelajar kurang bermotivasi dan pencapaian akademik yang lemah dapat diatasi bersama oleh guru dan ibu bapa.

BIBLIOGRAFI

- Azizi Hj. Yahaya (2000). *Hubungan Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Matematik*. Kajian Ilmiah yang tidak Diterbitkan.
- Barnes, Douglas dan Frankie Todd. (1977). *Communication and learning in small groups*. London: Henley and Boston.
- _____. (1993). "Quality interpersonal communication—perception and reality". *Manage*, 45:1, 6-7.
- Downey, Meriel. (1977). *Interpersonal judgements in education*. London: A Wheaton & Company, Exeter.
- Gergen, Kenneth J. (1971). *The concept of self*. USA: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- _____. (2000). "The effect of student involvement on the development of academic self-concept". *Journal of Social Psychology*, 140:2, 261-263.
- Jabatan Pendidikan Negeri Johor (2000). "Maklumat asas sekolah: Senarai sekolah-sekolah negeri Johor". Unit Maklumat: Sektor Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan
- Martinot, Delphine and Jean-Marc Monteil. (2000). "Use of self-concept in forming preferences by French students of different level of academic achievement". *Journal of Psychology*, 140:1, 119-131.
- Miller, George A. (1970). *The psychology of communication: Seven essays*. Great Britain: The Penguin Press
- Pearson, Judy Cornelia dan Brian H. Spitzberg. (1990). *Interpersonal, components and contexts (2nd ed.)*. USA: WM. C. Brown Publishers.
- Sutton, Clive. (1986). *Communicating in the classroom*. Great Britain: Robert Hartnoll Ltd.
- Syed Arabi Idid. (1998). Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weaver II, Richard. (1996). *Understanding interpersonal communication*. USA: Harper Collins College Publishers.